

**TERATAI TEMBAGA**  
Bronze-winged Jacana

FAMILI: Jacanidae  
NAMA SAINTIFIK: *Metopidius indicus*

**CIRI-CIRI**

Bagi individu dewasa, ianya mudah dikenalpasti dengan bahagian kepala, leher dan bawah badan yang berwarna kehitaman, garisan putih yang tebal di bahagian atas mata. Diperhatikan, bahagian bawah mantel, skapular dan sayap berwarna gangsa-hijau buah zaitun manakala bahagian belakang sehingga bahagian atas ekor dan tongkeng berwarna merah hati-coklat buah berangan; bahagian belakang kepala berwarna keunguan terang ke hijau berkilat. Bagi burung juvenil pula, bahagian atas kepala, belakang kepala dan alis mata berwarna coklat buah berangan lusuh, bahagian tepi leher, bahagian bawah leher dan atas dada berwarna kuning pucat-coklat, manakala hampir keseluruhan bawah badan berwarna putih dengan terdapat jalur-jalur berwarna gelap, bahagian atas ekor terdapat jalur-jalur berwarna hitam serta coklat pudar, ekor berwarna hitam dan putih dan sedikit bercampur dengan warna gangsa-kehijauan. Anggaran saiz bagi burung dewasa adalah di antara 26.5 sm-30.5 sm.

**MAKANAN**

Diet bagi spesies ini terdiri daripada hidupan invertebrata akuatik dan biji-bijian.

**HABITAT**

Spesies ini mendiami kawasan paya air tawar, tasik serta kolam-kolam kecil; sehingga ketinggian 1,000 m dari aras laut.

**BUNYI**

Spesies ini menghasilkan bunyi serak yang bernada rendah *seek-seek-seek.....*

**PEMBIAKAN**

Musim membiak bagi spesies ini adalah sepanjang tahun dan sarang adalah terapung di atas daun-daun tumbuhan akuatik. Burung betina boleh menghasilkan 4 biji telur pada setiap kali ianya bertelur dan telur adalah berwarna kuning pucat berkilat ke coklat kemerahan pekat dengan terdapat garis-garis panjang yang halus berwarna kehitaman. Anggaran saiz telur adalah 36.4 mm x 25.1 mm.

**STATUS**

Akta 76/72, dipelihara sepenuhnya.